

Nyanyian Bersatu Bersedia, Berkhidmat mulakan himpunan agung

KUALA LUMPUR 27
Sept. — Presiden UMNO,
Datuk Sri Dr. Mahathir
Mohamad dan semua ang-
gota Majlis Tertinggi UM-
NO bersama - sama me-
nyanyikan lagu "Bersatu,
Bersedia, Berkhidmat" sei-
ring dengan 130 orang
kumpulan koir Pemuda/
Wanita bagi memulakan
majlis perasmian Perhim-
punan Agung UMNO ke-
36 di Dewan Merdeka,

Kompleks UMNO di sini
UM 28 SEP 1985

Perhimpunan tersebut
yang pertama kali diadakan
di dewan tersebut dengan
penuh warna warni diikuti
pula dengan pengerusi te-
tap, Tan Sri Sulaiman Ni-
nam Shah mengambil tem-
pat bagi mempengerusikan
perhimpunan dan terus
mempersilakan Naib Presi-
den Parti, Datuk Sri Amar
Haji Wan Mokhtar Wan
Ahmad membacakan doa.

Seramai 1,434 orang per-
wakilan kecuali UMNO ba-
hagian Titiwangsa dan
Tumpat (sebagai pemerhati
sahaja) memberikan tepu-
kan gemuruh apabila Per-
dana Menteri, Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad
memulakan ucapan dasar
presiden pada jam 9.40
pagi setelah Setiausaha
Agung UMNO, Datuk Sri
Sanusi Junid membentang-
kan laporan peringat-
an perhimpunan 1984.

Ucapan dasar oleh Da-
tuk Sri Dr. Mahathir yang
sememangnya di nanti-
nantikan bukan sahaja oleh
seluruh para perwakilan
dan pemerhati telah dipan-
carkan melalui televisyen
siaran dalam ke beberapa
buah dewan dan di luar
kompleks tersebut bagi ke-
mudahannya orang ramai yang
tidak dapat masuk ke De-
wan Merdeka.

Sebagaimana biasanya
juga, ucapan dasar Presi-
den UMNO itu sentiasa
mendapat perhatian sepe-
nuhnya dan disambut
dengan tepukan gemuruh
serta sekali-sekala gelak
ketawa daripada para per-
wakilan dan pemerhati.

Tepukan paling gemuruh
diberikan apabila Datuk Sri
Dr. Mahathir Mohamad
menegaskan bahawa go-

longan yang ingin mengha-
puskan hak istimewa orang
- orang Melayu sebagai
penderhaka kepada bangsa
Melayu dan pengkhianat
kepada agama Islam.

Para perwakilan juga
memberikan tepukan ge-
muruh apabila Datuk Sri
Dr. Mahathir membidas
pemimpin kesatuan sekerja
yang menurutnya meng-
gunakan isu gaji untuk
mendapatkan jawatan yang
diidam-idamkan.

Sekali lagi tepukan ge-
muruh diberikan kepada
Presiden UMNO itu apabi-
la beliau membidas pula
golongan tertentu yang
akhir - akhir ini mengguna-
kan kedudukan raja-raja
untuk kepentingan peribadi
masing-masing dengan
membuat rancangan - ran-
cangan perniagaan yang
memikat hati raja-raja dan
cuba mendapatkan pe-
nyertaan raja di dalam per-
niagaan mereka.

Selain daripada itu,
ucapan Datuk Sri Dr. Ma-
hathir juga telah menculik
hati para perwakilan setiap
kali beliau menyelitkan sin-
dirin - sindiran pedas seca-
ra berjenaka, sama ada
sindiran - sindiran itu di-
tunjukkan kepada golongan
di luar UMNO mahupun di
dalam UMNO sendiri.

Selesai sahaja ucapan be-
liau yang mengambil masa
selama sejam itu, para per-
wakilan semuanya bangun
sambil memberikan tepu-
kan yang gemuruh dan pan-
jang sebagai tanda memuji-
nya di atas ucapan yang
tegas dan berterus - terang
itu.

Pada masa Presiden UM-
NO itu tiba di Kompleks
UMNO pagi ini, pekarang-
an kompleks itu penuh se-
sak dengan para perwakil-
an dan orang ramai yang
berpusu-pusu hendak meli-
hat beliau dan Datuk Sri
Datin Paduka Dr. Siti Has-
mah Mohd. Ali.